

KUALA LUMPUR, 9 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU AKAN DAPAT DICAPAI LEBIH CEPAT SEKIRANYA LEBIH RAMAI PELAJAR DI NEGARA INI MAJU DI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

MENURUT BELIAU, SALAH SATU FAKTOR PENTING YANG MEMAJUKAN EKONOMI SESEBUAH NEGARA JALAH KEMAJUAN TINGGI DI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI YANG DICAPAI MELALUI SISTEM PELAJARANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN KEMAJUAN YANG LEBIH TINGGI DI KEDUA-DUA BIDANG ITU ADALAH PENTING BAGI NEGARA DISAMPING PENGURUSAN YANG CEKAP, KEPAKARAN DAN MODAL YANG MENCUKUPI.

OLEH YANG DEMIKIAN, ADALAH PENTING DITANAMKAN DIJIWA SETIAP PELAJAR KESEDARAN BAHAWA KEMAJUAN EKONOMI YANG LEBIH TINGGI AKAN DAPAT DICAPAI DENGAN MUDAH APABILA BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI BERTAMBAH MAJU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN PERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA DI PERASMIAN PAMERAN SAINS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA DI MAKTAB PERGURUAN BAHASA DISINI. UCAPAN BELIAU TELAH DIBACAKAN OLEH TIMBALANNYA, ENCIK CHAN SIANG SUN.

BE

IAU BERKATA SUNGGUHIUN BILANGAN PELAJAR-PELAJAR LUAR BANDAR DALAM JURUSAN SAINS TELAH MENINGKAT, MUTU PENCAPAIAN MEREKA DALAM PEPERIKSAAN DAN KEGIATAN-KEGIATAN LUAR SEKOLAH MASIH BELUM MEMUASKAN.  
-- BERSAMBUNG 1803/SZ

## MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

47

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMPERHEBATKAN RANCANGAN LATIHAN GURU-GURU SAINS DI TAHUN-TAHUN AKAN DATANG BAGI MEMENUHI KEPERLUAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR.

USAHA UNTUK MENGATASI KEKURANGAN GURU-GURU SAINS JUGA SEDANG DIJALANKAN DENGAN MELATIH LEBIH RAMAI GURU-GURU SAINS DI UNIVER-SITI-UNIVERSITI TEMPATAN SELAIN DARI DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN.

BELIAU BERHARAP GURU-GURU YANG SEDANG DILATIH DAN YANG SEDANG BERTUGAS AKAN MENDIDIK MURID-MURID SUPAYA BERSIKAP LEBIH POSITIF DAN BERSEEDIA MENERIMA PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOGI SEBAGAI ASAS KEMAJUAN EKONOMI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN MURID-MURID PERLU DI-LINGKAPKAN DENGAN ASAS PENGETAHUAN SAINS DARI PERINGKAT RENDAH LAGI SUPAYA MEREKA AKAN DAPAT MENGIKUTI KURSUS SAINS DENGAN LEBIH BERJAYA DI PERINGKAT LEBIH TINGGI.

BELIAU SETERUSNYA MENGGESA PARA PELAJAR SUPAYA LEBIH PERAZAM, BERMINAT DAN MEMPUNYAI INISIATIF KERANA KEMAJUAN SAINS ADALAH HASIL DARI SIFAT-SIFAT TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGINGATKAN MEREKA TENTANG PENTINGNYA MATAPELAJARAN LAIN SEPERTI AGAMA, AKHLAK DAN TATARAKYAT DISAMPING MENGEJAR KEMAJUAN DI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

-- BERNAMA, 1805/SZ